



**SEKOLAH MENENGAH SAINS PASIR PUTEH,
16800 PASIR PUTEH,
KELANTAN**

**KERTAS KERJA
KEM INTERAKTIF JAWI (INTERjaw)
TAHUN 2022
(9 JUN 2022)**

**ANJURAN :
PANITIA PENDIDIKAN ISLAM
SM SAINS PASIR PUTEH**

1.0 NAMA PROGRAM

KEM INTERAKTIF JAWI (INTERjaw)

2.0 PENDAHULUAN

Tulisan jawi merupakan salah satu warisan Ketamadunan Melayu Islam yang masih wujud di Nusantara khususnya di Malaysia. Namun perkembangan penggunaan tulisan jawi pada masa kini boleh dikatakan semakin terpinggir lantaran semakin kurangnya generasi muda khususnya para pelajar yang mampu menguasai penulisan jawi dengan baik. Hal ini terjadi kerana mereka merasakan tulisan jawi ini tidak penting bagi mereka. Justeru, perlu ada satu usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak tertentu khususnya guru-guru agama mahupun komuniti pencinta tulisan jawi untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan terhadap generasi muda Islam agar kesinambungan ketamadunan Islam dan Melayu dapat dipertahankan. Salah satu cara ialah melalui penganjuran pertandingan mencipta blog jawi bagi secara dalam talian. Blog yang dihasilkan dijangka dapat dimanfaatkan oleh ramai pihak kerana sebarannya lebih meluas.

3.0 RASIONAL

Program ini dijalankan untuk membantu meningkatkan motivasi dan kemahiran murid dalam pembelajaran jawi secara berkumpulan. Kem dilaksanakan mengikut modul Jawi yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Islam, KPM. Pendekatan yang digunakan adalah dalam bentuk *fun learning* untuk menggalakkan motivasi dan penyertaan penuh murid.

4.0 OBJEKTIF

- I. Meningkatkan kemahiran murid dalam tajuk pembelajaran jawi
- II. Memberi peluang kepada murid untuk meneroka keupayaan diri menjadi fasilitator dan menguruskan kem jawi dengan baik
- III. Mewujudkan semangat persaingan positif untuk menguasai silibus jawi seterusnya melaksanakan pelbagai aktiviti menarik untuk meningkatkan penguasaan jawi

5.0 TEMPAT PROGRAM

Dewan Seri Gemilang, SMSPP

6.0 TARIKH / HARI PROGRAM

Program ini akan dilaksanakan pada 9 Jun 2022 sewaktu Perkampungan Ilmu

7.0 JANGKA MASA PELAKSANAAN

Jangka masa pelaksanaan pertandingan ialah selama 4 jam

8.0 KUMPULAN SASARAN

Semua murid tingkatan 3 SMSPP

9.0 SUMBER KEWANGAN

PCG Panitia Pendidikan Islam

10.0 JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Dr. Hajah Zalina bt Zakaria (Pengetua)
Timbalan Pengerusi	:	Encik Mohd Asri bin Yusoff (PK Pentadbiran)
Naib Pengerusi	:	Puan Noorijah bt Jaafar (PK Hem) Encik Abdul Aziz bin Abdul Rahman (PK Kokurikulum)
Penyelaras	:	Ustaz Mat Bin Farik
Setiausaha	:	Ustazah Salbiah bt Mohamed Salleh
Koordinator	:	Ustaz Zaidi bin Husin
Fasilitator	:	Guru Muda Pendidikan Islam Ting 3

11.0 ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

BIL	PENDAPATAN	RM	BIL	PERBELANJAAN	RM
1.	PCG Panitia Pendidikan Islam	250.00	1.	Hadiah pertama	100.00
			2.	Hadiah Kedua	80.00
			3.	Hadiah Ketiga	70.00
	JUMLAH	250.00		JUMLAH	250.00

11.0 HARAPAN DAN PENUTUP

Dengan adanya program seperti ini, diharapkan dapat memberi peluang kepada murid menguasai teknik dan formula tulisan jawi dengan baik. Program ini merupakan satu program yang sangat dekat dengan murid kerana berkonsepkan pendekatan Heutagogi iaitu dari murid kepada murid. Perancangan aktiviti oleh fasilitator yang terdiri daripada guru muda begitu sesuai dan dekat dengan hati murid lain. Semoga dengan adanya Kem INTERjaw ini, murid dapat mencungkil bakat baru seterusnya menyumbang kepada dunia jawi tanah air.

DISEDIAKAN OLEH :-

**(Salbiah Bt Mohamed Salleh)
Setiausaha Program,
Kem INTERjaw 2022**

DISAHKAN OLEH :

**(Dr. Hajah Zalina Bt Zakaria)
Pengetua,
SM Sains Pasir Puteh**

DISEMAK OLEH :

**(Ustaz Mat bin Farik)
Ketua Panitia Pendidikan Islam,
SM Sains Pasir Puteh**